

Siswazah hasil 150,000 benih ikan air tawar

BH 26/06/23 ml 24

Lepasan UMT tumpu bidang akuakultur, penuhi permintaan pasaran

enam bulan beroperasi, pusat pembenihan yang diusahakan di Kampung Sri Fajar, Gambang, dekat sini sudah mula mengeluarkan hasil yang diharapkan.

Katanya, kini terdapat 10 kolam tanah, empat tangki penetasan dan tujuh kolam simen di kawasan seluas lebih 0.81 hektar.

Bagaimanapun, katanya, kemudahan berkenaan tidak mencukupi menghasilkan lebih banyak benih ikan.

"Permintaan terhadap benih patin tidak mencukupi, faktor berkenaan menyebabkan ramai penternak ikan sangkar di Temerloh, Pekan dan Jerantut terpaksa menanggungkan sementara projek ternakan mereka.

"Pusat pengeluaran benih kami tidak mampu menghasilkan lebih banyak benih patin dan talapia merah disebabkan kawasan yang terhad," katanya, di sini kelmaring.

Muhammad Azri berkata, dia menjual benih patin, talapia merah dan keli dengan harga antara 15 sen hingga 42 sen mengikut saiz antara dua hingga empat inci.



Muhammad Azri (kiri) mengusahakan projek benih patin, talapia merah dan keli.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Penuhi permintaan

Katanya, benih yang dihasilkan kini hanya mampu memenuhi permintaan daripada beberapa penternak ikan sangkar di daerah ini, Pekan dan Maran.

Setiap penternak membeli benih sehingga 20,000 ekor, tertakluk pada jumlah sangkar mereka.

"Kebanyakan penternak ikan sangkar di negeri ini bergantung sepenuhnya pada pusat pembenihan di Perak dan Selangor bagi mendapatkan bekalan benih patin dan talapia merah. Apabila pengeluaran benih tidak mencukupi, akibatnya penternak

yang menanggung kerugian.

"Di Pahang, tidak banyak pusat pembenihan yang mampu mengeluarkan benih berskala besar, faktor berkenaan menyebabkan penternak terpaksa membeli benih di Perak dan Selangor," katanya yang sebelum ini bertugas sebagai pembantu penyelidik akuakultur di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan.

Beliau berkata, sokongan rakan kongsi, Jamri Ahmad, 55, menjadi pembakar semangat kepadanya untuk terbabit dalam bidang akuakultur yang turut dibantu seorang pembantu lepasan Po-

litetnik Jeli, Kelantan.

Bagi Jamri, dia menyasarkan untuk mengeluarkan 200,000 hingga 250,000 benih patin sebulan bagi memenuhi permintaan penternak, namun disebabkan kawasan pusat pembenihan yang terhad, dia terpaksa memikirkan kaedah yang terbaik.

"Saya berharap kerajaan negeri dapat membantu kami dengan menyediakan kawasan sesuai untuk dijadikan pusat pembiakan yang akan membekalkan pelbagai benih ikan air tawar bagi menampung permintaan penternak ikan sangkar di Pahang," katanya.

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pengalaman tujuh tahun dalam bidang akuakultur menjadi landasan kepada seorang siswazah, Muhammad Azri Shariff untuk mengusahakan projek menghasilkan benih patin, talapia merah dan keli.

Muhammad Azri, 26, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kini mampu berbangga dapat menghasilkan lebih 150,000 benih tiga spesies ikan air tawar itu.

Beliau berpuas hati selepas